

SESUNGGUHNIA SEBAIK-BAIK ORANG YANG KAMU AMBIL BEKERJA IALAH ORANG YANG KUAT, LAGI AMANAH

[MUTIARA AL-QURAN UNTUK PANDUAN HIDUP]



<https://youtu.be/HqvVvQGS92k>

VIDEO – [Durasi – 11m 5s]- MUTIARA AL-QURAN -Sebaik-baik Orang Yang Kamu Ambil Bekerja Ialah Orang Yang Kuat, Lagi Amanah

“SESUNGGUHNIA SEBAIK-BAIK ORANG YANG KAMU AMBIL BEKERJA IALAH ORANG YANG KUAT, LAGI AMANAH” (SURAH AL-QASHASH, AYAT 26)

EKSTRAKS DARI VIDEO

1. Panduan ini amat baik untuk diterapkan dalam kehidupan terutamanya yang melibatkan aktiviti pekerjaan. Ianya adalah resipi kejayaan.
2. "Sebaik-baik orang yang kamu ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah".
3. "Kuat" bukan hanya gagah (kekuatan fizikal) sahaja tetapi kekuatan yang sesuai dengan tuntutan pekerjaan tersebut. Ianya bermaksud kepandaian atau kepakaran.
4. Contohnya, sebagai tukang masak, yang diperlukan ialah kepakaran memasak bukan kekuatan fizikal seperti ahli gusti.
5. Kriteria kedua ialah "al-Amin", amanah.
6. Contohnya, seseorang Raja, hendaklah memilih Perdana Menteri yang sesuai untuk mentadbir negara iaitu yang pandai memimpin dan amanah (jujur dan boleh diharap).
7. Ayat al-Quran ini asalnya adalah berkenaan kisah Nabi Musa yang membantu anak-anak perempuan Nabi Syuaib. Anak-anak perempuan Nabi Syuaib mencadangkan kepada ayahnya supaya mengambil kerja Nabi Musa kerana dia seorang yang "kuat lagi amanah".
8. Kaedah dari al-Quran hendaklah diambil berdasarkan lafaz umumnya walaupun ianya mempunyai latar belakang yang khusus.
9. Kita hendaklah terapkan kaedah ini sesuai dengan aktiviti atau pekerjaan, terutamanya tentang sifat "kuat" tersebut.
10. Contohnya, dalam perniagaan restoran, tukang masaknya hendaklah yang pandai memasak di samping jujur dalam pekerjaannya (seperti tidak membazir atau mencuri makanan).
11. Dalam apa-apa bidang, gabungan dua sifat ini adalah penting untuk menjamin kejayaan.
12. Ianya tidak terhad dalam bidang pekerjaan sahaja tetapi penting juga dalam kehidupan contohnya, seperti memilih calon menantu, perlu yang "kuat" dan "amanah".

13. Kedua-dua sifat ini perlu ada pada seseorang, tidak cukup dengan hanya satu sifat sahaja. Ianya penting untuk sesiapa pun dan dalam bidang apa pun.
14. Di dalam al-Quran banyak disebut tentang pentingnya sifat ini. Contohnya, Jibril yang ditugaskan membawa wahyu mempunyai sifat "kuat dan amanah" untuk memastikan bahawa wahyu yang dibawanya terjamin selamat.
15. Dakwaan Syiah yang Jibril sepatutnya membawa wahyu kepada Sayyidina Ali tetapi memberinya kepada Nabi s.a.w adalah tidak benar kerana menggambarkan Jibril sebagai seorang yang tidak amanah.
16. Kita yakin dengan wahyu dari Allah kerana yang membawanya iaitu Jibril adalah "kuat dan amanah" dan yang menerimanya iaitu Nabi s.a.w juga "kuat dan amanah".
17. Gunakalah kaedah ini dalam urusan seharian kita.

DUA KRITERIA UTAMA UNTUK KEJAYAAN DALAM URUSAN-URUSAN KEHIDUPAN IALAH “KUAT” (PANDAI ATAU PAKAR) DAN “AMANAH”.